

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PRESTASI EKONOMI MALAYSIA PADA SUKU TAHUN KEEMPAT 2024

Ekonomi Malaysia berkembang 5.0 peratus pada suku tahun keempat, mencapai 5.1 peratus bagi keseluruhan tahun 2024, dengan pertumbuhan dua digit dalam pelaburan iaitu prestasi terbaik dalam tempoh 12 tahun

PUTRAJAYA, 14 FEBRUARI 2025 – Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia pada suku tahun keempat 2024 bertumbuh sebanyak 5.0 peratus berbanding 5.4 peratus pada suku tahun ketiga 2024. Bagi terma pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, KDNK menguncup sebanyak -1.1 peratus (ST3 2024: 1.9%) pada suku tahun ini. Prestasi ekonomi bulanan bertumbuh dengan masing-masing 4.7 peratus dan 4.9 peratus pada bulan Oktober dan November, sebelum meningkat kepada 5.4 peratus pada bulan Disember 2024. Oleh itu, prestasi ekonomi Malaysia meningkat kepada 5.1 peratus pada tahun 2024 berbanding 3.6 peratus pada tahun sebelumnya. Ini dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dalam keluaran KDNK bagi Suku Tahun Keempat 2024 hari ini.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, “Pertumbuhan ekonomi sebanyak 5.0 peratus didorong oleh momentum positif dalam semua sektor utama kecuali sektor Pertanian dan Perlombongan & pengkuarian yang menyusut pada suku tahun keempat 2024. Aliran masuk pelaburan yang ketara ke dalam sektor utama, seiring dengan pengurangan tekanan inflasi dan pasaran buruh yang semakin baik dengan kadar pengangguran terendah dalam hampir sedekad, telah merangsang permintaan domestik, sekali gus mengukuhkan trajektori pertumbuhan negara.”

Dari segi prestasi sektoral, sektor **Perkhidmatan** berkembang sebanyak 5.5 peratus (ST3 2024: 5.2%) pada suku tahun keempat 2024. Prestasi ini dipacu oleh subsektor Perdagangan borong & runcit pada 4.4 peratus, berikutan pertumbuhan dalam semua segmen iaitu Perdagangan borong (5.4%), Perdagangan runcit (4.1%) dan Kenderaan Bermotor (2.2%). Selain itu, subsektor Pengangkutan & penyimpanan menunjukkan pertumbuhan yang lebih baik pada suku tahun ini pada 10.7 peratus. Peningkatan ini disokong oleh perbelanjaan pengguna yang kukuh semasa musim perayaan dan cuti sekolah hujung tahun yang menyumbang kepada pemulihan berterusan dalam industri

berkaitan pelancongan. Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, sektor Perkhidmatan menyusut -0.8 peratus (ST3 2024: 1.7%).

Sektor **Pembuatan** menyederhana kepada 4.4 peratus (ST3 2024: 5.6%) pada suku tahun ini, didorong oleh pertumbuhan dalam industri berorientasikan eksport seperti Produk elektrik, elektronik & optik (7.3%) dan Produk petroleum, kimia, getah & plastik (3.2%) berikutan permintaan luar yang lebih tinggi. Namun begitu, industri berorientasikan domestik bertumbuh pada kadar yang lebih perlahan, dipengaruhi oleh Peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pemberian berikutan pengeluaran kenderaan bermotor dan peralatan pengangkutan yang lebih rendah. Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, sektor Pembuatan menurun sebanyak -2.8 peratus (ST3 2024: 2.0%).

Sektor **Pembinaan** terus meningkat kepada 20.7 peratus (ST3 2024: 19.9%), menandakan pertumbuhan tertinggi sejak suku kedua tahun 2021. Kesemua segmen menunjukkan pertumbuhan kukuh yang diterajui oleh Bangunan bukan kediaman (23.9%), khususnya projek berkaitan pusat data di Johor dan Selangor. Ini diikuti oleh Aktiviti pembinaan pertukangan khas (23.6%), Bangunan kediaman (30.3%) dan Kejuruteraan awam (9.1%). Pertumbuhan ini menggambarkan permintaan berterusan untuk projek pengubahan, penyelenggaraan dan pembinaan pertukangan khas dalam segmen kediaman, komersial dan industri, serta lonjakan dalam projek pembangunan infrastruktur seperti pemasangan pelantar luar pesisir dan lebuhraya. Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, sektor ini merosot -2.3 peratus (ST3 2024: 5.7%).

Di samping itu, sektor **Pertanian** mengalami sedikit penurunan sebanyak -0.5 peratus (ST3 2024: 4.0%), disebabkan oleh penurunan dalam subsektor Kelapa sawit pada -5.3 peratus. Walau bagaimanapun, pertumbuhan 3.0 peratus dalam subsektor Ternakan dan lonjakan kukuh sebanyak 23.3 peratus dalam subsektor Getah turut membantu mengimbangi impak kemerosotan dalam sektor Pertanian. Sektor ini mencatatkan penyusutan -1.8 peratus (ST3 2024: 0.5%) bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun. Sektor **Perlombongan & pengkuarian** merosot pada suku tahun ini kepada -0.9 peratus (ST3 2024: -3.9%), dipengaruhi oleh penguncupan dalam subsektor Minyak mentah & kondensat pada -6.2 peratus. Namun begitu, subsektor Gas asli pulih kepada 2.4 peratus, disokong oleh pemulihan dalam pengeluaran gas pada suku tahun ini. Sektor ini meningkat kepada 5.9 peratus (ST3 2024: -1.1%) bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun.

Mengulas lanjut, Ketua Perangkawan Malaysia menyatakan bahawa, "**Penggunaan akhir swasta**, bertumbuh lebih baik pada suku tahun ini sebanyak 4.9 peratus (ST3 2024: 4.8%), disokong oleh peningkatan perbelanjaan dalam Pengangkutan (12.4%), Restoran & hotel (13.8%) serta Makanan & minuman bukan alkohol (3.8%). Peningkatan dalam perbelanjaan pengguna ke atas perjalanan, makanan dan

penginapan menggambarkan permintaan terhadap aktiviti berkaitan pelancongan. Namun begitu, prestasi keseluruhan Perbelanjaan penggunaan akhir swasta terus menurun kepada -0.8 peratus (ST3 2024: -0.5%) bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun."

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) atau pelaburan dalam aset tetap mencatatkan peningkatan sebanyak 11.7 peratus (ST3 2024: 15.3%), meneruskan pertumbuhan dua digit untuk tiga suku tahun berturut-turut. Dari segi prestasi mengikut jenis aset, pertumbuhan PMTK didorong oleh peningkatan ketara dalam Struktur sebanyak 19.5 peratus, mencatatkan pertumbuhan tertinggi sejak suku tahun kedua 2021, disokong oleh pelaksanaan projek pelaburan yang telah diluluskan. Sementara itu, Jentera & peralatan serta Aset lain masing-masing menyederhana kepada 4.1 peratus dan 5.6 peratus. PMTK mengikut sektor menunjukkan bahawa kedua-dua sektor Awam dan Swasta terus mencatat pertumbuhan kukuh pada suku tahun ini. Walau bagaimanapun, PMTK menyusut -1.8 peratus daripada 5.7 peratus bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun.

Beliau juga menyebut bahawa, "**Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan** mencatat pertumbuhan lebih perlahan pada 3.3 peratus (ST3 2024: 4.9%), dipengaruhi oleh perbelanjaan ke atas bekalan dan perkhidmatan. Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan menurun sebanyak -1.1 peratus berbanding pertumbuhan 5.1 peratus pada suku tahun ketiga 2024. **Eksport** pada suku tahun ini berkembang lebih pantas daripada **Import**, masing-masing pada 8.5 peratus (ST3 2024: 11.8%) dan 5.7 peratus (ST3 2024: 13.5%). Oleh itu, **Eksport bersih** melonjak kepada 57.6 peratus daripada -8.8 peratus pada suku tahun sebelumnya."

PRESTASI EKONOMI 2024

Pertumbuhan ekonomi Malaysia secara keseluruhan pada tahun 2024 meningkat kepada 5.1 peratus (2023: 3.6%). Kesemua sektor utama mencatatkan prestasi yang lebih baik, dipacu oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan dengan pertumbuhan masing-masing sebanyak 5.4 peratus dan 4.2 peratus. Selain itu, sektor Pembinaan mencatatkan peningkatan ketara sebanyak 17.5 peratus, diikuti oleh sektor Pertanian (3.1%) dan Perlombongan & Pengkuarian (0.9%).

Dari segi permintaan, pertumbuhan ekonomi didorong oleh Perbelanjaan penggunaan akhir swasta, yang meningkat kepada 5.1 peratus. Selain itu, PMTK mencatatkan pertumbuhan tertinggi sejak tahun 2012 pada 12.0 peratus (**Carta 7**), menggambarkan pertumbuhan kukuh dalam aktiviti Pembinaan. Perbelanjaan modal ke atas jentera dan peralatan turut meningkat, menyumbang kepada prestasi positif dalam PMTK. Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan berkembang lebih baik kepada 4.7 peratus pada tahun ini. Eksport dan Import masing-masing pulih kepada 8.5 peratus dan

8.9 peratus, manakala Eksport bersih meningkat semula kepada 2.2 peratus, menunjukkan pemulihan dalam permintaan luar.

Bagi keseluruhan tahun 2024, ekonomi negara berkembang lebih pesat berbanding beberapa rakan ASEAN, termasuk Singapura 4.0 peratus dan Indonesia 5.0 peratus, sementara Filipina mencatatkan pertumbuhan KDNK lebih tinggi kepada 5.6 peratus. Prestasi ekonomi Malaysia juga mengatasi beberapa negara maju seperti China 5.0 peratus, Korea Selatan 2.0 peratus dan Amerika Syarikat 2.8 peratus seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 1**.

Ekonomi Malaysia pada tahun 2025 dijangka terus kukuh, didorong oleh pasaran buruh yang memberangsangkan, peningkatan eksport dalam sektor elektrik dan elektronik (E&E), serta pelaksanaan inisiatif pelaburan utama. Perbelanjaan swasta dijangka meningkat susulan pelaksanaan kenaikan gaji minimum bulanan kepada RM1,700 bermula Februari 2025, pelarasan gaji di bawah SSPA dengan peruntukan sebanyak RM10 bilion, termasuk pelaksanaan Dasar Gaji Progresif, yang melibatkan peruntukan RM200 juta dan memberi manfaat kepada 50,000 pekerja. Peranan Malaysia sebagai Penggerusi ASEAN 2025 dijangka menjadi pemanca pertumbuhan, dengan lebih 300 mesyuarat akan diadakan bagi mengukuhkan kerjasama serantau. Industri pelancongan dijangka terus berkembang menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026, dengan sasaran 31.4 juta pelancong asing. Selain itu, peralihan takwim persekolahan pada Januari 2026 juga dijangka mempengaruhi corak perbelanjaan. Permintaan tenaga buruh yang stabil menggambarkan ketersediaan tenaga buruh yang kukuh di industri. Dengan permintaan pengguna yang berdaya tahan, pelaburan strategik dan jaringan antarabangsa, Malaysia berada dalam landasan yang baik untuk prospek ekonomi yang positif pada tahun 2025 walaupun berdepan ketidaktentuan pasaran luaran.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.


Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
14 FEBRUARI 2025**

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 14 Februari 2025


LAMPIRAN

**Carta 1: Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK),
ST1 2022 – ST4 2024 dan 2022 – 2024**




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 2: Pertumbuhan KDNK Tahunan, 2000 – 2024



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Carta 3: Pertumbuhan KDNK Bulanan dan Suku Tahunan, 2021-2024



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 14 Februari 2025

Carta 4: Pertumbuhan KDNK Suku Tahunan mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, ST3 2024 & ST4 2024




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 5: Pertumbuhan KDNK Suku Tahunan mengikut Jenis Perbelanjaan, ST3 2024 & ST4 2024



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Carta 6: Pertumbuhan KDNK Bulanan Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, Oktober – Disember 2024



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 14 Februari 2025

Carta 7: Kadar Pertumbuhan Tahunan KDNK dan PMTK, 2011-2024




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 8: Pertumbuhan KDNK Tahunan mengikut Jenis Perbelanjaan, 2011 – 2024



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Carta 9: KDNK Pelarasan Musim
(Perubahan Peratusan dari Suku Tahun Sebelumnya), ST1 2019 – ST4 2024**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 14 Februari 2025

Carta 10: Pendapatan Negara Kasar (PNK) Per Kapita, ST1 2021 – ST4 2024



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 1: Perbandingan KDNK dengan Negara Terpilih

Negara Terpilih	2023	2024	2023				2024			
			ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4
NEGARA ASEAN										
Malaysia	3.6	5.1	5.5	2.8	3.1	2.9	4.2	5.9	5.4	5.0
Singapura	1.1	4.0*	0.5	0.5	1.0	2.2	3.1	3.2	5.4	4.3*
Indonesia	5.1	5.0	5.0	5.2	4.9	5.0	5.1	5.1	5.0	5.0
Filipina	5.5	5.6	6.4	4.3	6.0	5.5	5.8	6.4	5.2	5.2
NEGARA LAIN										
Amerika Syarikat	2.9	2.8*	2.3	2.8	3.2	3.2	2.9	3.0	2.7	2.5*
Kesatuan Eropah	0.4	0.8*	1.2	0.5	0.1	0.3	0.6	0.8	1.0	1.1*
Sepanyol	2.7	3.3	3.9	2.4	2.2	2.3	2.7	3.3	3.5	3.5
Itali	0.7	t.t	2.3	0.5	0.1	0.3	0.3	0.7	0.5	0.5
Perancis	0.9	t.t	1.0	1.3	0.9	1.3	1.4	1.0	1.2	0.7
United Kingdom	0.4	t.t	0.9	0.6	0.3	-0.3	0.3	0.7	0.9	t.t
Republik Rakyat China	5.2	5.0	4.7	6.5	5.0	5.3	5.3	4.7	4.6	5.4
Republik Korea	1.4	2.0*	1.1	1.0	1.4	2.1	3.3	2.3	1.5	1.2*

Sumber: Laman web rasmi Agensi Statistik Negara Terpilih

Nota:

% merujuk kepada perubahan tahun ke tahun

* merujuk kepada anggaran awalan

n.a merujuk kepada tidak tersedia

MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

MALAYSIA ECONOMIC PERFORMANCE FOURTH QUARTER OF 2024

Malaysia's economy grew 5.0 per cent in the fourth quarter, achieving 5.1 per cent for overall 2024, with double-digit investment growth leading to its best performance in 12 years

PUTRAJAYA, FEBRUARY 14, 2025 – Malaysia's Gross Domestic Product (GDP) in the fourth quarter of 2024 grew by 5.0 per cent as compared to 5.4 per cent in the third quarter of 2024. In terms of quarter-on-quarter seasonally adjusted, GDP contracted by -1.1 per cent (Q3 2024: 1.9%) in this quarter. The monthly economic performance grew at 4.7 per cent and 4.9 per cent for October and November, respectively, before accelerating to 5.4 per cent in December 2024. Hence, Malaysia's economic performance increased to 5.1 per cent in 2024 as compared to 3.6 per cent in the previous year. This is reported by the Department of Statistics Malaysia (DOSM) in today's release of GDP for the Fourth Quarter of 2024.

According to the Chief Statistician of Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "The economic growth of 5.0 per cent was driven by the positive momentum of all key sectors except for Agriculture and Mining & quarrying sectors which declined in the fourth quarter of 2024. The substantial investment inflows into key sectors, coupled with easing inflationary pressure and improving labour market with near-decade low unemployment rates, have stimulate the domestic demand, thus strengthening the nation's growth trajectory."

In terms of sectoral performance, the **Services** sector expanded by 5.5 per cent (Q3 2024: 5.2%) in the fourth quarter of 2024. The performance was propelled by the Wholesale & retail trade sub-sector at 4.4 per cent, following growth in all segments namely Wholesale trade (5.4%), Retail trade (4.1%) and Motor vehicles (2.2%). Additionally, Transportation & storage sub-sector showed a better growth in this quarter at 10.7 per cent. These gains were fueled by resilience in consumer spending during the year-end festive season and school holidays that contributed to the continued recovery in the tourism-related industries. On a quarter-on-quarter seasonally adjusted, the Services sector fell -0.8 per cent (Q3 2024: 1.7%).

The **Manufacturing** sector moderated to 4.4 per cent (Q3 2024: 5.6%) in this quarter, driven by the growth in export-oriented industries such as Electrical, electronic & optical products (7.3%) and Petroleum, chemical, rubber & plastic products (3.2%) due to higher external demand. Nonetheless, the domestic-oriented industries grew at a slower pace, influenced by the Transport equipment, other manufacturing and repair following a lower production in motor vehicles & transport equipment. On a quarter-on-quarter seasonally adjusted, the Manufacturing sector decreased by -2.8 per cent (Q3 2024: 2.0%).

The **Construction** sector accelerated further to 20.7 per cent (Q3 2024: 19.9%), marking its fastest expansion since the second quarter of 2021. All segments displayed robust growth led by the Non-residential buildings (23.9%) particularly data centre-related projects in Johor and Selangor. This was followed by the Specialised construction activities (23.6%), Residential buildings (30.3%) and Civil engineering (9.1%). The growth indicates ongoing demand for renovation, maintenance and specialized construction projects across residential, commercial and industrial segments as well as a surge in infrastructure development projects, such as offshore platform installation and highways. On a quarter-on-quarter seasonally adjusted, this sector decreased -2.3 per cent (Q3 2024: 5.7%).

In addition, the **Agriculture** sector slightly declined at -0.5 per cent (Q3 2024: 4.0%), owing to the decrease in the Oil palm sub-sector at -5.3 per cent. Nonetheless, the 3.0 per cent growth in Livestock sub-sector and the strong 23.3 per cent expansion in Rubber sub-sector helped ease the impact of the contraction in the Agriculture sector. This sector registered a decline of -1.8 per cent (Q3 2024: 0.5%) on a quarter-on-quarter seasonally adjusted. The **Mining and quarrying** sector declined in this quarter to -0.9 per cent (Q3 2024: -3.9%), influenced by the contraction in the Crude oil & condensate sub-sector at -6.2 per cent. Nevertheless, the Natural gas sub-sector rebounded to 2.4 per cent, supported by recovery in gas production during this quarter. This sector increased to 5.9 per cent (Q3 2024: -1.1%) in terms of quarter-on-quarter seasonally adjusted.

Commenting further, the Chief Statistician of Malaysia stated that, “**Private final consumption**, grew better in this quarter at 4.9 per cent (Q3 2024: 4.8%), supported by the higher consumption in Transport (12.4%), Restaurants & hotels (13.8%) and Food & non-alcoholic beverages (3.8%). The increase in consumer spending on travel, dining and accommodation showcases the demand for tourism-related activities. Nevertheless, the overall performance of Private final consumption expenditure further declined to -0.8 per cent (Q3 2024: -0.5%) in terms of quarter-on-quarter seasonally adjusted.”

Gross fixed capital formation (GFCF) or investment in fixed assets, registered 11.7 per cent (Q3 2024: 15.3%) increase, extending its double-digit growth for the third consecutive quarter. Looking at the performance by type of assets, the expansion of

GFCF was driven by a substantial increase in Structure at 19.5 per cent, marking the highest growth since second quarter of 2021, supported by the realisation of approved investments projects. Meanwhile, Machinery & equipment and Other assets softened to 4.1 per cent and 5.6 per cent, respectively. GFCF by sector showed that both Public and Private continued with a strong growth in this quarter. Nevertheless, GFCF contracted -1.8 per cent from 5.7 per cent growth in terms of quarter-on-quarter seasonally adjusted.

He also mentioned that “**Government final consumption expenditure** eased to 3.3 per cent (Q3 2024: 4.9%), influenced by spending on supplies and services. On a quarter-on-quarter seasonally adjusted, Government final consumption expenditure declined by -1.1 per cent as compared to 5.1 growth in the third quarter of 2024. **Exports** in this quarter outpaced **Imports** at 8.5 per cent (Q3 2024: 11.8%) and 5.7 per cent (Q3 2024: 13.5%), respectively. Therefore, **Net exports** surged to 57.6 per cent from -8.8 per cent in the preceding quarter.”

ECONOMIC PERFORMANCE 2024

Malaysia’s overall economic growth in 2024 rose to 5.1 per cent (2023: 3.6%). All main sectors registered a better performance, led by the Services and Manufacturing with 5.4 per cent and 4.2 per cent growth, respectively. Furthermore, the Construction sector recorded a notable increase of 17.5 per cent, followed by the Agriculture (3.1%) and Mining & quarrying (0.9%) sectors.

On the demand side, the economic expansion was driven by Private final consumption expenditure, which increased to 5.1 per cent. Furthermore, GFCF marked the highest growth since 2012 at 12.0 per cent (**Chart 7**), reflecting the robust growth in Construction activities. Capital expenditure on machinery and equipment also increased, contributing to the positive performance of GFCF. The Government final consumption expenditure grew better to 4.7 per cent this year. Both Exports and Imports rebounded to 8.5 per cent and 8.9 per cent, respectively with Net exports bounced back to 2.2 per cent, exhibiting a recovery in external demand.

The country’s economy in the year 2024 outgrew several ASEAN counterparts including Singapore 4.0 per cent and Indonesia 5.0 per cent, while the Philippines saw further GDP growth to 5.6 per cent. Malaysia’s economic performance also exceeded several developed nations such as China 5.0 per cent, South Korea 2.0 per cent and the United States 2.8 per cent as in **Table 1**.

Malaysia’s economy in 2025 is expected to remain resilient, driven by strong labour market conditions, robust exports in the electrical and electronics (E&E) sector and implementation of key investment initiatives. Private consumption will be boosted by the implementation of minimum monthly wage hike to RM1,700 starting February 2025, SSPA salary adjustments with an allocation of RM10 billion, along with the

implementation of Progressive Wage Policy, with a RM200 million allocation benefiting 50,000 workers. Malaysia's role as the ASEAN chairman in 2025 is expected to spur the growth, as the country will host over 300 meetings which further strengthen the regional cooperation. Tourism industry is set to grow ahead of Visit Malaysia 2026, with a target of 31.4 million foreign visitors. Furthermore, the transition of the school calendar in January 2026 is also expected to influence spending patterns. The stability in labour demand indicates that industries experience steady labour force availability. Alongside strong consumer demand, strategic investments, and global engagement, Malaysia is well-positioned for a positive economic outlook in 2025 despite external uncertainties.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.


The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
14 FEBRUARY 2025**


APPENDIX

Chart 1: Gross Domestic Product (GDP), Q1 2022 – Q4 2024 and 2022 – 2024




Source: Department of Statistics Malaysia

Chart 2: Annual GDP Growth, 2000 – 2024



Source: Department of Statistics Malaysia

Chart 3: Monthly and Quarterly GDP Growth, 2021 – 2024



Source: Department of Statistics Malaysia

Chart 4: Quarterly GDP Growth by Kind of Economic Activity, Q3 2024 & Q4 2024




Chart 5: Quarterly GDP Growth by Type of Expenditure, Q3 2024 & Q4 2024




Chart 6: Monthly GDP Growth by Kind of Economic Activity, October – December 2024






Chart 7: Annual Growth Rate of GDP and GFCF, 2011 – 2024




Source: Department of Statistics Malaysia

Chart 8: Annual GDP Growth by Type of Expenditure, 2011 – 2024



Source: Department of Statistics Malaysia

**Chart 9: Seasonally Adjusted GDP
(Percentage Change from Preceding Quarter), Q1 2019 – Q4 2024**



Source: Department of Statistics Malaysia

Chart 10: Gross National Income (GNI) Per Capita, Q1 2021 – Q4 2024



Source: Department of Statistics Malaysia

Table 1: GDP Performance for Selected Countries

Selected Countries	2023	2024	2023				2024			
			Q1	Q2	Q3	Q4	Q1	Q2	Q3	Q4
ASEAN COUNTRIES										
Malaysia	3.6	5.1	5.5	2.8	3.1	2.9	4.2	5.9	5.4	5.0
Singapore	1.1	4.0*	0.5	0.5	1.0	2.2	3.1	3.2	5.4	4.3*
Indonesia	5.1	5.0	5.0	5.2	4.9	5.0	5.1	5.1	5.0	5.0
Philippines	5.5	5.6	6.4	4.3	6.0	5.5	5.8	6.4	5.2	5.2
OTHER COUNTRIES										
United States of America	2.9	2.8*	2.3	2.8	3.2	3.2	2.9	3.0	2.7	2.5*
European Union	0.4	0.8*	1.2	0.5	0.1	0.3	0.6	0.8	1.0	1.1*
Spain	2.7	3.3	3.9	2.4	2.2	2.3	2.7	3.3	3.5	3.5
Italy	0.7	n.a	2.3	0.5	0.1	0.3	0.3	0.7	0.5	0.5
France	0.9	n.a	1.0	1.3	0.9	1.3	1.4	1.0	1.2	0.7
United Kingdom	0.4	n.a	0.9	0.6	0.3	-0.3	0.3	0.7	0.9	n.a
People's Republic of China	5.2	5.0	4.7	6.5	5.0	5.3	5.3	4.7	4.6	5.4
Republic of Korea	1.4	2.0*	1.1	1.0	1.4	2.1	3.3	2.3	1.5	1.2*

Source: Official website of Selected National Statistical Office

Note:

- % refers to year-on-year change
- * refers to advance estimates
- n.a refers to not available